

27/09/1997

Jerebu angkara kita sendiri

USAHA mengatasi kebakaran hutan di Indonesia dan serentak dengan itu menyelesaikan masalah jerebu kini memasuki satu peringkat baru membabitkan jiran Indonesia. Presiden Suharto menyambut baik bantuan Malaysia untuk memadam kebakaran di Kalimantan dan Sumatera. Malaysia mengirim lebih 1,000 anggota bomba dan pasukan penyelamat selain alat kelengkapan dan kapal terbang. Diharapkan usaha itu berkesan kerana ia menambah tenaga untuk Indonesia menghadapi bencana itu. Masalah kebakaran hutan di Indonesia dihadapi beberapa kali pada masa lalu tetapi kini Indonesia menerima hakikat kebakaran hutannya menjejaskan kehidupan rakyat tetangganya.

Indonesia sendiri menanggung kerugian yang banyak akibat kebakaran itu. Kawasan hutan yang terbakar berjumlah ratusan ribu hektar dan kerugian dari segi mata wang ratusan juta dolar. Satu masalah yang serius menghadapi pihak berkuasa di Indonesia seperti yang jelas dalam kebakaran hutan kali ini ialah sikap acuh tak acuh rakyatnya terhadap arahan kerajaan untuk mengatasi kebakaran itu. Menurut akhbar Indonesia sendiri, ladang balak di Kalimantan dan di Sumatera membabitkan tokoh penting politik negara itu dan sesetengahnya ada kaitan dengan kerajaan. Sebuah berita kelmarin memetik kenyataan pegawai tinggi kerajaan yang kesal betapa arahan Jabatan Kehutanan agar dihentikan kegiatan menebang hutan untuk bercucuk tanam tidak dihiraukan kebanyakan gabenor wilayah di Sumatera.

Hanya selepas Presiden Suharto mengisytiharkan kebakaran hutan itu sebagai bencana negara, tindakan serius dijalankan di peringkat wilayah untuk menangani bencana itu.

Tetapi ternyata rakyat sendiri tidak serius terhadap arahan itu melainkan terus membakar hutan untuk membersihkan tanah demi membuka ladang cucuk tanam. Seorang wartawan mengulas sikap itu disebabkan rata-rata rakyat menghadapi masalah mencari rezeki. Kerana itu mereka terpaksa mengingkari larangan pihak berkuasa dengan membakar hutan untuk membuka kebun. Apa lagi Indonesia kini menghadapi musim kemarau yang teruk. Kali ini Indonesia mengalami krisis kejatuhan nilai mata wang rupiah pula, yang tentu merumitkan usahanya menangani masalah kemarau dan kebakaran hutannya.

Sejauh mana bantuan luar negara untuk memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera berkesan tidak dapat dipastikan. Tidak syak usaha itu amat sulit kerana tidak mudah memadam api dalam keadaan tanah kering kontang akibat kemarau.

Gerakan mengerah segala bantuan yang terupaya di pihak Malaysia untuk membantu Indonesia dalam saat kecemasannya sekarang adalah bukti ikatan erat persahabatan antara Indonesia dan tetangganya. Kebakaran di hutan Kalimantan dan Sumatera tidak saja menjejaskan Indonesia tetapi mengotorkan udara di negara jirannya. Yang demikian adalah wajar tetangga saling bekerjasama menangani bencana itu.

Keadaan jerebu di Malaysia sudah mencapai tahap kecemasan hingga kita mengisytiharkan darurat di Sarawak. Jerebu yang membungkus seluruh negara sejak beberapa waktu lalu tidak memperlihatkan tanda akan berkurang. Semakin berlarutan semakin banyak kerumitan yang kelak menjejaskan kehidupan rakyat.

Banyak kritik dilontar kepada pihak berkuasa mengenai sikap dan cara agensi kerajaan menangani masalah jerebu. Tetapi seperti yang ditegaskan

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, usaha kerajaan menangani masalah jerebu adalah terbatas. Cara dan kaedah untuk memaksa rakyat umpamanya mematuhi peraturan pengangkutan boleh disalah erti oleh rakyat. Perdana Menteri menyeru rakyat secara sukarela mematuhi peraturan jalan raya serta pengangkutan yang dicadangkan untuk mengurangkan pengotoran udara. Tetapi adakah rakyat menganggap tanggungjawabnya sebagai warga negara ialah memberikan sumbangan mengurangi bahaya jerebu? Akhbar kita setiap hari memaparkan sampah-sarap dibakar secara terbuka, kilang mengeluarkan asap tebal, lori dan bas bermaharajalela tanpa mengendahkan peraturan mengawal asap kenderaan mereka.

Jerebu tidak hanya disebabkan oleh kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera. Jerebu juga disebabkan oleh perbuatan kita sendiri mengotorkan udara. Jika rakyat masih tidak mempedulikan nasihat dan gesaan kerajaan untuk mengawal kebersihan udara, apakah harapan kita yang jerebu akan dapat diatasi .

Pada hemat saya, rakyat nampaknya masih tidak belajar daripada pengalaman pahit masa lalu. Setiap kali tragedi berlaku dan berlalu, kita seolah-olah melupakan peristiwa itu dalam masa yang singkat. Kita hanya sibuk memburu rezeki tanpa mengira cara kita menjejaskan kesejahteraan orang lain atau tidak. Kita membakar sampah-sarap secara terbuka untuk menjaga kesejahteraan tanpa mengira perbuatan itu menjejaskan kesejahteraan tetangga.

Kita membakar hutan untuk meraih sebesar-besar keuntungan tanpa mengira kegiatan itu merosakkan alam dan mengancam orang lain. Musibah yang melanda kita sekarang sebenarnya adalah akibat perbuatan kita sendiri.

(END)